

Ramai pesilat tidak bermaya — Shafie

16 JUN 1988

B. Hanan (M)

PASUKAN silat kebangsaan memulakan latihan pusat peringkat pertama selama seminggu di Kompleks Sukan Kampung Pandan, semalam sebagai persiapan awal menghadapi Sukan SEA Kuala Lumpur tahun depan, lapor **MOHD RAHIME YUSOFF**.

Hanya 23 daripada 30 pesilat memulakan latihan itu manakala tujuh lagi menghadapi masalah cuti dan menarik diri.

Mereka yang menjalani latihan ialah Fauzi Othman, Azizi Jarit, Zakri Ibrahim, Mohd Yazid Ariffin, Siti Anida Mahadi, Siti Azahariah Hussien (Kuala Lumpur).

Ahmad Khusairi Ibrahim, Khairi Abdul Rahman, Rafie Yaakub, Normala Yaacob, Rozaidi Abdul Rahman, Mohd Ali Lat (Selangor), Ahmad Wardi Salim (Melaka).

Azam Haji Abas, Razali Said, Wan Azimah Ahmad (Kelantan), Rashidah Abdullah, Salbiah Salleh, Zulkafur Abdul Majid, Zulkifli Salleh (Johor), Abdul Razak

Ismail, Azmi Abdul Manaf dan Awang Ngah Mohammad dari Terengganu.

Sementara itu, Ketua jurulatih, Sani Morni, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, Mazliza Abu Bakar, Aswida Darus tidak mendapat cuti dari majikan dan sekolah.

Manakala Khatijah Salleh menarik diri kerana ingin 'bersara'. Zaleha Suradi pula akan memulakan latihan hari ini setelah mendapat cuti dari majikan.

Pengurus pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata latihan selama seminggu ini akan lebih tertumpu kepada kecergasan fizikal dan teknik melawan.

Beliau mengakui tahap kecergasan pesilat begitu rendah dan lebih separuh pesilat tidak bermaya menjalani ujian kecergasan pagi semalam.

Bagaimanapun, Haji Shafie percaya masalah itu dapat di atasi dengan latihan ketat pagi dan petang.

"Saya akan memastikan latihan ini berjaya mencapai matlamatnya," jelasnya.

■ **RASAKAN...**Salbiah Salleh menjatuhkan Normala Yaacob ketika menjalani latihan di Kompleks Sukan Kampung Pandan semalam.

